

Penyakit pusingan U mula jangkiti Daim

KUALA LUMPUR 3 Mei - Sungguh aneh apabila bekas Menteri Kewangan, Tun Daim Zainuddin keluar dari 'persembunyian' dan memilih pentas ceramah gabungan pembangkang PKR di Padang, kelmarin untuk menyindir pelaksanaan cukai barang dan perkhidmatan (GST) sedangkan beliau adalah antara individu terawal mengutarakan keperluan cukai tersebut.

Namun begitu, pusingan U

Daim, 80, itu bukanlah sesuatu yang mengejutkan, malah sudah pun dijangka kerana beliau sanggup menggadaikan prinsip dengan mempertikaikan langkah terbaik dilakukan kerajaan semata-mata kononnya mahu menonjolkan sokongan terhadap 'rakan karibnya', Tun Dr. Mahathir Mohamad.

Walau bagaimanapun belum sempat Daim beralih pentas ceramah, semalam juga klip video beliau menyokong pelaksanaan GST

tular.

Dalam video yang dipercayai dirakamkan pada tahun 2014 dan kembali tular itu, Daim turut mengulangi hasrat 'murni' beliau bagi memperkenalkan GST dengan mengatakan cukai itu amat diperlukan kerana asas pendapatan kecil yang dimiliki negara.

Katanya dalam video tersebut, beliau telah lama 'menginginkan' pelaksanaan GST iaitu sejak tahun 1984 lagi.

um 4/5

"Saya memang dari dulu lagi iaitu sejak 1984 nak perkenalkan GST disebabkan asas pendapatan negara ketika itu sangat kecil iaitu hanya 40 peratus sahaja datang daripada Petronas," katanya dalam video berkenaan.

Andai Daim terlupa, sila layari pautan ini http://gst.customs.gov.my/ms/hl/SitePages/old/officials_statement.html untuk melihat balik kata-kata beliau sendiri.